

22 JUL 2001

Mahathir-Bersara

SAYA ADA MEMIKIRKAN PERSARAAN, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau ada memikirkan mengenai persaraan dan mahu meluangkan sedikit masa bagi dirinya sendiri tetapi beliau tidak boleh mendedahkan rancangannya.

"Ya, saya mahu bersara. Saya sudah berusia 76 tahun tetapi saya bukan milik diri saya, saya milik umum. Apa sahaja yang saya buat, saya mesti memikirkan mengenai akibatnya. Ada yang berkata jika saya berkata perkara seperti ini akan berlaku pergelutan kuasa dalam parti (Umno). Mereka tidak mahu itu. Jadi apa yang saya boleh katakan?" kata beliau.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak dapat berkata banyak mengenai rancangan persaraannya memandangkan rakan-rakannya di Kabinet juga memberitahu beliau supaya tidak bercakap mengenainya kerana ia boleh menimbulkan masalah.

"Saya juga mahukan sedikit masa bagi diri saya sebelum saya meninggal dunia, saya mahu menulis, saya mahu menulis sedikit, mengembara sedikit. Tetapi sebaliknya, semakin lanjut usia saya, lebih banyak kerja bagi saya. Saya tidak dapat pergi bercuti seperti sebelum ini," kata beliau dalam temubual bersama akhbar New Straits Times and Utusan Malaysia yang disiarkan hari ini.

Ditanya bagaimana beliau menjalankan tugas sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dr Mahathir berkata beliau mampu mengendalikan kedua-dua jawatan itu kerana beliau tahu bagaimana menguruskan kerjanya.

"Saya bekerja hampir sepanjang masa dan apabila berada di rumah saya menjawab surat-surat dan di pejabat bertemu dengan pelawat-pelawat dari pagi hingga tengah hari."

"Jika saya tidak berjumpa mereka, mereka akan marah dan berkata apabila kita memerlukan undi, kita datang menemui mereka, tetapi kini mereka pula nak jumpa kita mereka tidak dapat berbuat demikian, mereka akan kata kita angkuh. Saya mahu berjumpa dengan 1,000 orang sehari, jika boleh," kata beliau lagi.

Ditanya jika beliau mendapat tidur yang cukup, Dr Mahathir berkata beliau tidur lebih kurang enam jam sehari supaya dapat bertugas pada hari berikutnya.

Beliau berkata, semasa hujung minggu beliau bertemu dengan rakyat selama satu atau dua jam tetapi baki waktu yang ada akan digunakan untuk menyiapkan tugasnya.

"Walaupun semasa saya bercuti, saya membawa bersama kerja saya, saya membuat tulisan saya sendiri. Saya membaca pada bila-bila masa, saya tidak berhenti membaca, di kereta, di tandas," kata Perdana Menteri.

Mengenai Kabinet, Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan semua Menteri dan tiada sebab mengapa beliau perlu "membuang siapa-siapa."

Ditanya sama ada beliau sedang mendidik sesiapa untuk mengambil alih kepimpinan Umno dan negara, Dr Mahathir berkata timbalan beliau Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menggantikannya.

"Saya perlu bertanggungjawab, jika saya meninggal dunia esok saya akan meninggalkan parti tanpa kepimpinan. Itu tidak bertanggungjawab jadi saya mendidik kepimpinan baru, Pak Lah (Abdullah) sudah ada," kata beliau.

Ditanya jika beliau akan mempertimbangkan perlantikan sebagai Menteri Kanan selepas bersara Dr Mahathir berkata beliau tidak akan menerimanya tetapi sedia membantu jika pandangannya diperlukan.

Mengenai perasaan beliau selepas berada dalam Kabinet selama 27 tahun,

Dr Mahathir berkata anda tidak sedar masa berlalu dengan pantas khasnya apabila anda sibuk.

"Saya mempunyai banyak tugas untuk dijalankan. Ramai orang yang mahu berjumpa dengan saya, ada banyak masalah untuk diselesaikan...oleh itu, saya tidak mempunyai masa untuk memikirkan mengenai peralihan masa...minggu demi minggu berlalu.

"Saya rasa 27 tahun bukan lama sangat sehingga saya melihat foto-foto lama saya ...Dulu saya banyak rambut, tetapi sekarang bukan lagi," katanya.

-- BERNAMA

SR ZS PR